

04 DEC 1997

Mahathir-Maritim

INDUSTRI MARITIM HENDAKLAH BERUBAH KEPADA CARA KURANG GUNAKAN BURUH

LANGKAWI, 4 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyeru sektor swasta supaya mengkaji pembaharuan teknologi untuk membolehkan industri maritim kurang menggunakan tenaga buruh dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai negara maritim yang sebenarnya.

Sambil memuji tentera laut kerana konsep "Kapal Pintar" yang telah mengurangkan kos operasi, Perdana Menteri berkata sektor swasta seharusnya mengkaji kemungkinan mengadakan teknologi dan automasi yang lebih berasaskan IT selaras dengan projek Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia.

Beliau berkata pertumbuhan pesat dalam industri maritim menimbulkan tekanan yang kuat terhadap sumber tenaga manusia yang terhad dalam industri itu.

Ini kerana masalah yang timbul bukan sahaja untuk mencari calon yang sesuai tetapi yang lebih sukar lagi ialah untuk mengekalkan tenaga yang sudah terlatih itu dalam kerjaya yang berkaitan dengan perlautan, katanya ketika membuka Persidangan Maritim Antarabangsa Pertama di atas M.V. Star Pisces, di sini.

"Meskipun satu masa dahulu kita terkenal dengan ahli pelayaran seperti yang ditunjukkan oleh Panglima Awang atau Henry the Black, yang mengelilingi dunia bersama-sama dengan Magellan, namun kini sudah hilang sifat itu.

"Keadaan kita yang bertahun-tahun di bawah penjajahan mungkin telah menjadikan kita 'orang daratan' yang sangat tidak gemar untuk berjauhan dengan rumah bagi tempoh yang lama," kata beliau.

Dr Mahathir berkata walaupun Malaysia mempunyai segala ciri untuk menjadi negara maritim, memandangkan lokasinya di tengah-tengah laluan perkapalan dan mempunyai kawasan luas yang kaya dengan sumber ikan, minyak dan gas, ia masih belum menggunakan sepenuhnya segala kelebihan itu untuk melayakkannya menjadi negara maritim dalam erti kata yang sebenarnya.

Beliau berkata usaha untuk menjadikan Malaysia negara maritim yang sebenar hanya bermula secara bersungguh-sungguh kira-kira dua dekad yang lepas dan sejak itu industri berkenaan diakui sebagai sektor yang semakin penting dalam ekonomi negara.

Mengenai konsep "Kapal Pintar" tentera laut, Dr Mahathir berkata beliau gembira mendapati yang tentera laut sedang mengkaji perkara itu dengan bersungguh-sungguh.

Beliau berkata konsep itu telah membolehkan tentera laut mengurangkan kos operasinya kira-kira 10 peratus melalui pengurangan dalam penggunaan tenaga manusia lebih daripada 30 peratus.

Perdana Menteri berkata jumlah dan kemampuan limbungan bagi membina dan membaiki kapal juga telah meningkat berlipat ganda untuk memenuhi peningkatan dalam aktiviti itu.

Katanya pemerolehan aset dan pelancaran projek kapal ronda tentera laut kelak dijangka akan mempergiatkan lagi aktiviti pembinaan dan pembaikan kapal di samping meningkatkan kemahiran teknikal melalui pemindahan teknologi, katanya.

Beliau berkata dalam bidang berteknologi tinggi ini, tentera laut diharap dapat memainkan peranan yang lebih penting dalam mengambil dayautama untuk mereka bentuk, membina dan membaiki kapal perang.

Katanya ini kemudiannya akan membawa kepada pembangunan tenaga tempatan dalam bidang seperti senibina kapal, kejuruteraan marin, komunikasi marin dan aeroangkasa, elektronik pertahanan dan integrasi

sistem.

Dr Mahathir juga memberi jaminan mengenai keadaan keselamatan dengan menyatakan bahawa kerajaan akan melakukan segala usaha bagi memastikan semua pelaburan berada dalam keadaan selamat dan baik.

"Janganlah kita biarkan laporan mengenai kegiatan lanun yang sesekali itu memberi gambaran yang tidak tepat tentang keadaan keselamatan rantau ini secara keseluruhannya. Kegiatan lanun atau rompakan di laut merupakan kejadian yang terpencil yang berlaku sekali-sekala di mana-mana jua pun," katanya.

Mengenai kerjaya yang berkaitan dengan maritim, Dr Mahathir berkata kerajaan sedang berusaha menghidupkan semula budaya pelayaran dengan menyemai nilai-nilai maritim di kalangan murid-murid sekolah melalui kegiatan kokurikulum seperti pasukan kadet laut.

Bagi belia, Malaysia sedang mempergiatkan program pelayaran "Tunas Samudera" yang dijalankan oleh tentera laut dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pendidikan.

Persidangan antarabangsa maritim itu diadakan sempena Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (Lima) '97 yang masuk hari ketiga hari ini.

-- BERNAMA

MOK ES NMO